

Persepsi Pelajar-Pelajar KPLI Maktab Perguruan Kuala Terengganu Terhadap Personaliti Pensyarah Maktab

oleh

Marzuki bin Ngah

Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme
Maktab Perguruan Kuala Terengganu
Batu Rakit 21030 Kuala Terengganu
mzzul@tm.net.my

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui persepsi pelajar-pelajar KPLI mengenai ciri-ciri personaliti atau tingkahlaku pensyarah-pensyarah yang mengajar mereka. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar KPLI ambilan Januari, 2005 dan instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik dengan soalan terbuka. Dapatan kajian menunjukkan fokus persepsi pelajar KPLI adalah berfokus kepada ciri-ciri personaliti pengajaran positif yang mempengaruhi pembelajaran mereka. Ciri-ciri personaliti pensyarah yang paling tinggi membantu mereka ialah ciri akhlak baik dan peramah iaitu 56.67%, personaliti pensyarah memberi dorongan dan memotivasikan adalah 53.33%, tingkahlaku kognitif 50%, bertanggungjawab/kesungguhan 33.33% dan ciri adil dan toleransi adalah 13.33%. Manakala ciri-ciri personaliti dan tingkahlaku pensyarah yang tidak membantu mereka ialah bersikap tidak kisah iaitu 36.67%, pensyarah kurang persediaan 33.33%, aspek penerimaan pensyarah 30%, pamarah/sombong 10% dan ciri pilih kasih juga 10%. Implikasi kajian adalah berguna untuk pensyarah mengamalkan ciri-ciri positif tersebut dan meninggalkan ciri-ciri yang negatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka..

1.0 Pengenalan

Peranan pensyarah maktab adalah penting dalam melahirkan guru permulaan yang berketrampilan dan berkesan. Keberkesanan pensyarah atau pendidik melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka mendidik dan menyampaikan pengajaran bergantung kepada pelbagai faktor yang lazim dibincangkan dalam kajian-kajian mengenai pembelajaran. Penyampaian kuliah dalam kelas di universiti, maktab perguruan dan mana-mana institusi Pendidikan mempunyai kesan yang mendalam kepada pendidikan pelajar.

2.0 Pernyataan Masalah

Setiap pensyarah mempunyai ciri-ciri sakhsiah atau personaliti yang berbeza. Pelajar-pelajar pula sentiasa mempunyai persepsi yang berbeza terhadap personaliti pensyarah. Ada pensyarah-pensyarah yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh pelajar dan ada juga pensyarah yang pelajar tidak merasai apa-apa jika tidak ada. Ini sudah tentu ada banyak ciri personaliti pensyarah yang disukai dan diminati oleh pelajar yang perlu kita kaji. Menurut Salimah et. al (2002), bagi melahirkan guru yang berkesan pensyarah terlebih dahulu perlu mampu dan berkeupayaan tinggi menjalankan peranan mereka dengan cemerlang dan berkesan. Mengajar dengan baik dan bijak disamping mempunyai personaliti baik hati serta bermotivasi tinggi ialah ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seorang guru berkesan.

3.0 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah ciri-ciri personaliti pensyarah yang membantu pelajar dalam pembelajaran?
2. Apakah ciri-ciri personaliti pensyarah yang melemahkan semangat pelajar untuk mendapatkan pembelajaran berkesan?
3. Apakah situasi di mana pensyarah memberi galakan kepada pelajar?
4. Apakah situasi di mana pensyarah tidak mendorong atau mengecewakan pelajar?

4.0 Objektif Kajian

Kajiian ini bertujuan untuk mengenalpasti:

1. Ciri-ciri personaliti pensyarah yang diminati pelajar.
2. Ciri-ciri personaliti pensyarah yang melemahkan semangat pelajar.
3. Situasi di mana pensyarah memberi galakan kepada pelajar
4. Situasi di mana pensyarah tidak mendorong atau mengecewakan pelajar.

5.0 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk pensyarah-pensyarah mengamalkan personaliti yang boleh membantu pelajar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mereka. Mereka juga perlu mengelakkan diri dari mengamalkan ciri personaliti yang tidak membantu pelajar atau sikap negatif yang tidak disukai pelajar.

6.0 Tinjauan Literatur

Banyak kajian telah dibuat mengenai ciri dan tingkahlaku pengajar dan hubungannya dengan kecemerlangan dalam pembelajaran pelajar. Rosenshine(1970) telah mengelaskan lima kelas pembolehubah dalam analisis beliau iaitu:

1. Penerimaan atau Penolakan dari guru

Pembolehubah yang boleh boleh dimasukkan dalam kategori ini ialah 'tingkahlaku peramah guru'. Lima belas kajian mengenai pembolehubah itu menunjukkan perhubungan yang positif di antara sifat peramah dan pencapaian pelajar.

2. Tingkahlaku kognitif

Dua pembolehubah utama dalam kategori ini ialah organisasi dan kejelasan. Kajian lepas menunjukkan sokongan sederhana kepada pembolehubah organisasi dan terdapat sokongan yang bermakna dan konsisten untuk penjelasan.

3. Fleksibiliti

Fleksibiliti diukur dari sudut 'perubahan dalam tingkahlaku kognitif pengajaran' menunjukkan satu pertalian yang konsisten dengan pencapaian pelajar.

4. Kesungguhan

Pembolehubah ini dinilai dengan menggunakan pemeringkatan pelajar ke atas perkataan seperti menarik, menonjolkan keaslian dan kesungguhan. Semua kajian yang dikelaskan di bawah kategori ini memperolehi dapatan yang signifikan dengan sekurang-kurangnya salah satu daripada pencapaian pelajar.

5. Interaksi Guru-Pelajar

Gage (1971) telah menyenaraikan tingkahlaku guru berdasarkan bukti-bukti yang diperolehi secara korelasi dan eksperimen berkenaan dengan hasil atau matlamat pengajaran yang diingini seperti peramah, organisasi kognitif, ketertiban, tidak ada panduan dan kebolehan menyelesaikan masalah.

Atan Long (1980) menyatakan sesuatu tugas yang hendak diberikan kepada pelajar hendaklah relevan dengan pelajaran yang sedang diajar dan mempunyai objektif yang tertentu. Dengan mengetahui objektif sesuatu tugas itu pelajar-pelajar akan dapat menjalankan tugas dengan baik. Ini menunjukkan personaliti pensyarah yang sentiasa menekankan kepada objektif akan memberikan kesan kepada pengajarannya

Subahan (1983) dalam kajiannya mengenai perbezaan pensyarah universiti dan guru sekolah menengah telah menyenaraikan pembolehubah yang penting seperti memberi ransangan, memberi bimbingan, tingkahlaku kognitif, penglibatan, maklumbalas dan peramah.

Rahimah Haji Ahmad (1992) pula menyatakan adalah menjadi tugas guru untuk menyampaikan pengajaran dan juga mengembangkan pengajarannya untuk merealisasikan potensi murid semaksimum yang boleh. Keberkesanan guru perlu dilihat bukan sahaja dari aspek kejayaannya menyampaikan pengajarannya di bilik darjah tetapi juga menunjukkan personaliti yang positif.

Rohaty dan Subahan (1993) mendapati pembolehubah tingkahlaku 'peramah' juga mempunyai hubungan yang bersamaan dengan kecemerlangan pembelajaran.

Mohd Saleh Lebar (1994) menyatakan "Personaliti" adalah berasal daripada perkataan "Pesona" yang bermakna "topeng muka", iaitu kebanyakan manusia ingin menonjolkan perilaku yang baik dan bersahaja. Ianya berkaitan dengan gaya atau stail seseorang yang menentukan ciri-ciri dan penyesuaiannya dengan persekitaran.

Penyelidik-penyelidik dalam kajian berkaitan telah mendapatkan data mengenai tingkahlaku pengajaran dari pelbagai sumber dan tatacara. Ada yang menggunakan soalselidik untuk mengukur persepsi pelajar, guru, guru kanan, pengetua, penasihat dan pemerhati atau ahli pendidik mengenai ciri-ciri sahsiah dan tingkahlaku pengajaran. Ada yang menggunakan pencerapan, pemerhatian, penyelia, pentadbir, jemaah nazir atau pegawai kurikulum.

7.0 Metodologi Kajian

7.1 Rekabentuk dan Instrumen Kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan dan instrumen yang digunakan ialah borang soalselidik yang mengandungi empat soalan terbuka seperti berikut:

1. Apakah ciri-ciri personaliti pensyarah yang membantu anda dalam pembelajaran?
2. Apakah ciri-ciri personaliti pensyarah yang melemahkan semangat anda untuk mendapatkan pembelajaran berkesan?
3. Perihalkan satu situasi di mana pensyarah memberi galakan kepada anda
4. Perihalkan satu situasi di mana pensyarah tidak mendorong atau mengecewakan anda.

7.2 Sampel Kajian

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada 60 orang pelajar KPLI pengkhususan Biologi dan Kimia ambilan Januari, 2005. Mereka dipilih kerana mudah memberikan respon kerana saya terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran kelas mereka. Respon yang diberikan mengikut pendapat

mereka tentang personaliti pensyarah-pensyarah yang mengajar mereka pada Januari hingga April, 2005.

7.3 Prosedur Kajian

Pelajar telah diberikan borang soalselidik dan mereka telah menjawab dalam masa 10 – 15 minit. Sebelum menjawab, arahan dan penerangan telah diberikan oleh penyelidik. Borang tersebut telah dipungut sebaik saja ia dilengkapkan.

8.0 Penganalisan Data dan Dapatan Kajian

Oleh kerana maklumat itu adalah soalan bentuk terbuka dan ringkas, maka analisis secara deskriptif sahaja yang dibuat. Penyelidik dan seorang rakan setugas telah membantu mengkodkan dan mengelaskan jawapan mengikut kategori tertentu. Setelah dianalisis, penyelidik telah mengenalpasti lima kategori ciri-ciri personaliti pensyarah yang diberikan oleh pelajar iaitu:

- 1 Bertanggungjawab/ kesungguhan
2. Dorongan dan Memotivasikan
3. Tingkahlaku Kognitif
4. Akhlak Baik/Peramah
5. Adil dan Toleransi

Jadual 1 menguraikan setiap kategori serta contoh item-item dalam kategori itu.

Jadual 1
Ciri-Ciri Personaliti Positif Pensyarah

Kategori	Ciri-ciri
Bertanggungjawab/kesungguhan	Kesungguhan dalam mengajar Jujur dan ikhlas Kesungguhan dalam membantu pelajar Bersemangat gih Fleksibel Sentiasa bersedia
Dorongan dan Memotivasikan	Menasihati pelajar supaya berusaha Menggalakkan pelajar supaya jangan putus asa Sentiasa memberikan peneguhan positif
Tingkahlaku Kognitif	Peka kepada masalah pembelajaran Penyampaian yang menarik Penerangan yang jelas Menggunakan bahan bantu mengajar Berpengetahuan luas

Akhlak baik/peramah	Berakhlak baik Perangai terpuji/baik Model yang boleh diteladani ('Role Model') Bersopan santun Ada unsur Kecindan Sentiasa nampak riang Mesra bersama pelajar Mengambiltahu dan mengingat nama pelajar
Adil dan bertoleransi	Layanan yang sama kepada semua pelajar Bantu pelajar sehingga berjaya Menanda tugas yang diberi 'sporting' Membantu pelajar sehingga faham Menerima idea pelajar Menggalakkan pelajar berjumpanya

Penyelidik telah mengira secara frekuensi kesemua respon pelajar berdasarkan kategori di atas dan hasilnya ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2
Ciri-Ciri Personaliti Pensyarah Membantu Pelajar

Ciri-Ciri Sahsiah	Peratus
Akhlak Baik/Peramah	56.67
Dorongan dan Memotivasikan	53.33
Tingkahlaku Kognitif	50.00
Bertanggungjawab/kesungguhan	33.33
Adil dan toleransi	13.33

Tingkahlaku yang penting sekali mengikut persepsi pelajar adalah pensyarah yang mempunyai akhlak baik/peramah iaitu 56.67%. Ini diikuti oleh ciri pensyarah yang memberikan dorongan dan memotivasikan sebanyak 53.33%, ciri pensyarah yang tingkahlaku kognitif adalah 50% dan ciri pensyarah yang bertanggungjawab/kesungguhan adalah 33.33%. Manakala faktor adil dan toleransi hanya 13.33% yang menggambarkan ciri tersebut kurang penting dalam membantu pelajar.

Penyelidik juga telah mengkategorikan personaliti pensyarah yang melemahkan semangat pelajar dalam pembelajaran dengan item seperti berikut;

Kategori	Ciri-ciri
Pilih kasih	Melayani pelajar-pelajar tertentu sahaja Tidak adil Tidak layan pelajar yang tidak disukai Memanggil pelajar yang sama
Tidak kisah	Mengajar sambil lewa Tidak ambil tahu masalah pelajar Tidak masuk kelas tanpa sebab munasabah Lewat masuk kelas
Pemarah/sombong	Benggis Suka marah-marah Kasar dan membebel Cepat melenting Ego dan pentingkan diri sendiri Cerewet Terlalu serius
Kurang persediaan	Kurang buat persediaan Tiada BBM Mengajar secara tidak menarik Membebani pelajar Pelajar membentang Suara tiada intonasi
Penerimaan	Tiada tolok ansur Tidak boleh berbincang Sukar dihubungi Tidak boleh menerima idea pelajar Tidak mengakui kesilapan Tidak yakin

Kebanyakan calon memberi dua ciri sahaja dan terdapat jawapan yang panjang tetapi perkara yang dinyatakan ialah berulang-ulang. Persetujuan telah dibuat untuk menerima hanya dua ciri dari setiap responden. Hasil analisis mengikut kategori yang ditetapkan didapati rumusnya ialah seperti Jadual 3.

Jadual 3
Ciri-Ciri Personaliti yang Melemahkan Semangat Pelajar

Ciri-Ciri Sahsiah	Peratus
Tidak kisah	36.67
Kurang Persediaan	33.33
Penerimaan	30.00
Pemarah/sombong	10.00
Pilih kasih	10.00

Dapatan di atas menunjukkan bahawa sifat 'tidak kisah' merupakan ciri pensyarah yang paling tinggi melemahkan pelajar iaitu 36.67%, ciri 'kurang persediaan' ialah faktor kedua yang melemahkan iaitu 33.33% dan 'penerimaan' ialah faktor ketiga iaitu 30%.. Begitu juga sikap pemarah/sombong dan pilih kasih adalah ciri pensyarah yang paling sedikit iaitu 10%. Dapatan dari soalan 2 secara tidak langsung meneguhkan jawapan yang diperolehi dari soalan 1 dari aspek kesahan kategori yang ditentukan serta kebolehpercayaan dari segi konsisten dalam ciri yang diberikan oleh pelajar.

Situasi yang Menggalakkan

Pelajar telah menyatakan pelbagai situasi di mana pensyarah telah membantu mereka. Berikut adalah deskriptif dari respon responden;

1. " Pensyarah memuji saya dengan menyatakan bahawa saya mempunyai banyak idea yang bernas. Ini merupakan satu peneguhan positif kepada saya" (P1)
2. "Pada suatu hari, galakan yang diberikan oleh pensyarah berupa pujian dan menyatakan pencapaian kami mencapai satu tahap yang memuaskan dan boleh mencapai tahap lebih baik " (P2)
3. " Pensyarah memberi pandangan dan nasihat untuk student semangat untuk menyiapkan tugas yang sukar dan student merasa lapang dan bersemangat untuk menyiapkan tugas" (P6)
4. "Pensyarah senyum dan tidak mengejek apabila jawapan yang diberi tidak tepat" (P7)
5. " Bila pensyarah menyatakan suara saya sangat sesuai untuk kerjaya sebagai guru. Ini membuatkan saya lebih berkeyakinan dan bersemangat untuk menjadi seorang guru" (P11).
6. " Pensyarah Menyebut dan memanggil saya semasa sesi soal jawab" (P 16)
7. " Pensyarah masuk ke kelas dengan permulaan P & P yang ceria dengan usikan." (P 28)

Situasi yang tidak mendorong atau mengecewakan

Pelajar telah menyatakan pelbagai situasi di mana pensyarah tidak membantu mereka. Berikut adalah deskriptif dari respon responden berkaitan dengan situasi negatif yang dialami oleh pelajar;

1. "Bila pensyarah memperlekehkan keputusan untuk memasuki maktab untuk menjadi guru dan menyatakan kerjaya dalam bidang perguruan tidak memberi kemurahan hidup dan peluang untuk naik pangkat yang terhad" (P 11)
2. "Pensyarah tidak mendengar apa yang ingin diperkatakan oleh saya kerana beliau sedang mengejar masa" (P17)
3. "Terus menyalahkan atau menuding jari ke atas pelajar tanpa bertanya atau usul periksa terlebih dahulu"(P 19)
4. "Pensyarah memberikan tumpuan kepada pelajar lain apabila kita bertanyakan soalan. Jadi, saya rasa seperti kurang penting berbanding pelajar itu. Sepatutnya pensyarah mengambil tindakan yang lebih rasional agar pelajar tidak merasa dimalukan." (P23)
5. "Persediaan pengajaran sesetengah pensyarah tidak mencukupi" (P 25)
6. "Pensyarah tidak pandang pada idea yang dikemukakan" (P 26)
7. "Pensyarah tidak samaratakan perhatian kepada semua pelajar" (P 27)
8. "Pensyarah masuk ke kelas tanpa mengajar sebarang teori" (P28)

9.0 Kesimpulan dan Implikasi

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan persepsi pelajar-pelajar KPLI mengenai ciri-ciri personaliti atau tingkahlaku pensyarah-pensyarah yang mengajar mereka. Dapatan kajian menunjukkan personaliti pengajaran merupakan faktor utama mempengaruhi pembelajaran mereka. Ciri-ciri personaliti yang membantu mereka ialah sifat peramah, dorongan dan memotivasikan, tingkahlaku kognitif, bertanggungjawab/kesungguhan dan toleransi. Manakala ciri-ciri sahsiah dan tingkahlaku yang tidak membantu mereka ialah bersikap tidak kisah, kurang persediaan, penerimaan, pemaarah/sombong dan pilih kasih.

Pembolehubah yang dikenalpasti dari respon pelajar adalah sama dengan pembolehubah yang telah digunakan oleh Walberg (1971), Fraser (1980), Roseshine (1970), Subahan (1983), Rohaty dan Subahan (1993) mendapati pembolehubah tingkahlaku 'peramah' juga mempunyai hubungan yang bersamaan dengan kecemerlangan pembelajaran. Pendapat kebanyakan pelajar KPLI adalah selari dengan dapatan empirikal.

Hasil penyelidikan juga menunjukkan pelajar-pelajar KPLI menghargai pensyarah yang menerima idea dan pendapat mereka dan tidak memunyai tingkahlaku yang sombong dan pamarah. Perkara ini harus diberikan perhatian oleh pensyarah-pensyarah jika ingin menggalakkan atau mendorong pelajar dalam pembelajaran.

Kajian ini memberikan implikasi seperti berikut:

1. Mendapati ciri-ciri dan tingkahlaku pensyarah yang diterima dan dihargai oleh pelajar adalah berkaitan dengan kecemerlangan pembelajaran. Oleh itu pensyarah hendaklah mengutamakan dan mengamalkan tingkahlaku yang lebih mesra dan bertimbangrasa jika ingin memajukan kecemerlangan pelajar.
2. Satu soal selidik penilaian pengajaran boleh dibentuk berdasarkan kategori-kategori atau pembolehubah yang telah dikenalpasti untuk mendapatkan maklumbalas pengajaran pensyarah yang lebih berkesan.
3. Penyelidikan ini merupakan kajian awal dan penyelidikan lain haruslah dijalankan untuk mengkaji secara empirikal dan kualitatif perkaitan antara ciri-ciri pensyarah dengan pembelajaran dan kecemerlangan.
4. Situasi-situasi yang positif perlu dijadikan panduan dan contoh tauladan tetapi situasi negatif perlulah dielakkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa sahsiah dan tingkahlaku pensyarah mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran. Faktor-faktor sosio-emosi dan intelek dalam individu berinteraksi akan mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif dan positif.

Bibliografi

- Atan Long (1980), *Pedagogi kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gage, N.L. (1971), *Desirable behavior of Teaachers*. In James ratha et.al./studying teaching Prentice hall, Inc. Engglewood Cliffs, London.
- Mohd Salleh Lebar (1994), *Asas Psikologi Perkembangan*, Utusan Publications, Kuala Lumpur.
- Rahimah Hj. Ahmad (1992). *Peningkatan produktiviti guru: Sasaran dan tindakan, Masalah Pendidikan: Jurnal Pendidikan*, 16.
- Rohaty et.al. (1993), *Satu Tinjauan sahsiah dan Tingkahlaku Pendidik yang Berkaitan dengan Pembelajaran*, Jurnal Pendidikan UKM.
- Salimah Mohammad Ali (2002), *Kajian Kes Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pensyarah di Jabatan Ilmu Pendidikan Maktab Perguruan Teknik*, Kuala Lumpur.
- Rosenshine, B.(1970). *Teaching behavior and Student Achievement*, NFER. Windsor.
- Subahan et.al.(1983). *Transition from school to University: A Review of Literature*.